

01 AUG 1996
Aerobatik
TAMING SARI TANGGUH AKTIVITI

ALOR SETAR, 1 Ogos (Bernama) -- Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) menangguhkan sementara waktu aktiviti pasukan areobatik "Taming Sari" berikutan penubuhan pasukan aerobatik Hawk.

Panglima TUDM Datuk Seri Abdul Ghani Aziz berkata aktiviti pasukan itu ditangguhkan kerana pesawat PC 7 yang digunakan oleh pasukan itu diperlukan untuk latihan penerbangan oleh 100 pelatih Kolej Tentera Udara Kepala Batas di sini.

Ia akan beroperasi semula apabila TUDM mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk membeli pesawat ringan berkenaan untuk tujuan areobatik, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Terbuka Kolej Tentera Udara, Pasukan Payung Terjun TUDM dan Taman Kenangan TUDM Kepala Batas.

Ditanya mengenai pasukan Aerobatik Hawk yang ditubuhkan selepas LIMA '95, Abdul Ghani berkata pasukan itu mampu mempersembahkan pertunjukan udara yang terbaik, setaraf dengan pasukan areobatik tentera udara negara lain.

Beliau berkata keyakinan itu berdasarkan kepada keanggotaan pasukan berkenaan yang terdiri daripada juruterbang-juruterbang terbaik dari skuadron ke 15 yang berpangkalan di Butterworth.

Mereka akan lebih banyak membuat persediaan untuk pertunjukan udara termasuk di Pameran Antarabangsa Udara Maritim Langkawi (LIMA) yang diadakan setiap dua tahun sekali, katanya.

Pasukan berkenaan ditubuhkan berikutan cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pasukan yang dikenali sebagai Panji Wira itu menggunakan lima pesawat Hawk, dipertanggungjawabkan kepada skuadron ke 15. Mereka menjalani latihan pertama pada 27 Mac lepas.

Mengenai kolej berkenaan, Abdul Ghani berkata sebuah kampus akan dibina untuk menampung keperluan latihan termasuk kursus juruterbang, juruteknik dan iktisas.

Kira-kira 2,000 orang termasuk pelajar sekolah menyaksikan pertunjukan aerobatik itu melibatkan pesawat MiG-29, Hawk, PC 7 dan pesawat Aerotiga ciptaan tempatan. --BERNAMA

BD MAI